

11 MAR 1998

Indonesia-Habibie

HABIBIE DISAHKAN NAIB PRESIDEN INDONESIA

Oleh: Khairdzir Yunus

JAKARTA, 11 Mac (Bernama) -- Prof. Dr Bacharuddin Jusuf Habibie (BJ Habibie) malam ini disahkan sebulat suara oleh Dewan Permesyuaratan Rakyat (MPR) sebagai Naib Presiden Indonesia bagi penggal yang berakhir tahun 2003.

Habibie, yang terakhir menjawat Menteri Penyelidikan dan Teknologi, menggantikan Try Sutrisno, bekas Panglima Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI), yang tamat tempoh pelantikannya sepenggal.

Pengesahan pelantikan Habibie, yang merupakan calon tunggal bagi jawatan itu, diumumkan Speaker MPR, Harmoko pada 8.25 malam ini (9.25 malam Waktu Malaysia).

Majlis mengangkat sumpah Habibie sebagai Naib Presiden akan diadakan di bangunan MPR pada 10 malam (11 malam Waktu Malaysia).

Habibie, yang dilahirkan di Pare-pare, Sulawesi Selatan pada 25 Jun 1936, mendapat pendidikan di Aachen, Jerman dalam bidang kejuruteraan pesawat terbang hingga ke peringkat kedoktoran.

Setelah lulus Ijazah Doktor Falsafah pada 1965, beliau bekerja dengan perusahaan pembuat pesawat Hamburger Flugzeugbau (HFB) dan kemudian berkhidmat dengan perusahaan Messerschmitt Boelkow Blohm (MBB) di Jerman.

Kecemerlangannya dalam bidang berkenaan membolehkannya dilantik sebagai seorang daripada Naib Presiden MBB.

Presiden Suharto memanggil Habibie pulang ke Indonesia pada 1974 dan pada 1978 melantiknya sebagai Menteri Penyelidikan dan Teknologi sehingga perkhidmatannya tamat baru-baru ini.

Habibie dicalonkan sebagai Naib Presiden kerana kemampuan dan pengalamannya, dan demi kesinambungan pembangunan nasional.

Beliau juga mendapat restu Presiden Suharto yang mengesahkan dapat bekerjasama dengannya. Boleh bekerjasama dengan presiden ialah antara syarat yang harus dipenuhi seorang calon naib presiden.

Presiden Suharto hari ini juga telah mengangkat sumpah sebagai Presiden Indonesia bagi penggal yang sama.

Sementara itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ialah antara pemimpin kerajaan asing yang telah menyampaikan ucapan selamat kepada Presiden Suharto sempena pelantikannya.

Menurut stesen televisyen ANTeve, ucapan selamat Dr Mahathir disampaikan melalui Kedutaan Besar Malaysia di sini.

Pemimpin lain yang menyampaikan ucapan ialah Presiden China Jiang Zemin dan Perdana Menteri Li Peng dan Presiden Filipina Fidel Ramos. -- BERNAMA

KHY FAZ